

Bil. S 85

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) (BIL. 2), 2012

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pindaan bab 41 dari Penggal 35.
 3. Pindaan Bahagian XIVA.
 4. Pindaan bab 86A.
 5. Pindaan bab 86B.
 6. Pindaan bab 86C.
 7. Pindaan bab 86D.
 8. Pindaan bab 86E.
 9. Pindaan Jadual Keempat.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) (BIL. 2), 2012

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) (Bil. 2), 2012.

Pindaan bab 41 dari Penggal 35.

2. Bab 41 dari Akta Cukai Pendapatan, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda —

(a) dalam tajuk bab, dengan memasukkan “avoidance and exchange of information” sejurus selepas “taxation”;

(b) dengan memansuhkan ceraian (1) dan menggantikannya dengan ceraian baru yang berikut —

“(1) Jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat dengan perintah mengisytiharkan bahawa —

(a) penyusunan yang dinyatakan dalam perintah itu telah dibuat dengan Kerajaan mana-mana negara atau wilayah di luar Negara Brunei Darussalam dengan tujuan untuk memberi —

(i) pelepasan dari pencukaian dua kali; atau

(ii) pertukaran maklumat,

berkenaan dengan cukai di bawah Akta ini dan apa-apa cukai yang sama jenisnya yang dikenakan oleh undang-undang negara atau wilayah itu; dan

(b) adalah mustahak supaya penyusunan itu sepatutnya berkuatkuasa,

maka penyusunan itu hendaklah berkuatkuasa berkenaan dengan cukai di bawah Akta ini dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun dalam sebarang undang-undang bertulis.”;

(c) dengan menambah ceraiian baru yang berikut —

“(7) Dalam bab ini, “penyusunan” bermakna penyusunan yang dinyatakan dalam perintah yang diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat di bawah ceraiian (1).”.

Pindaan Bahagian XIV.

3. Bahagian XIV dari Akta itu adalah dipinda, dalam tajuk, dengan memasukkan “, AND EXCHANGE OF INFORMATION,” sejurus selepas “TAXATION”.

Pindaan bab 86A.

4. Bab 86A dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dalam ceraiian (1) —

(i) dengan memasukkan dua takrifan baru yang berikut mengikut susunan abjad yang berkenaan —

“ “penyusunan” bermakna pengelakan konvensyen pencukaian dua kali atau perjanjian pertukaran maklumat cukai yang berkuatkuasa di bawah bab 41;

“perjanjian pertukaran maklumat cukai” bermakna suatu penyusunan untuk bertukar-tukar maklumat mengenai perkara-perkara cukai yang berkuatkuasa di bawah bab 41;”;

(ii) dalam takrifan “competent authority”, dengan memotong “a prescribed” dan menggantikannya dengan “an”;

(iii) dengan memotong takrifan “penyusunan pencukaian dua kali” dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut —

“ “konvensyen pencukaian dua kali” bermakna suatu penyusunan untuk memberi pelepasan dari pencukaian dua kali yang berkuatkuasa di bawah bab 41;”;

(iv) dalam takrifan “exchange of information provision”, dengan memotong “arrangement” di mana sahaja perkataan itu terdapat kali pertama dalam baris kedua dan menggantikannya dengan

“convention or a tax information exchange agreement having effect under section 41”;

(v) dengan memotong takrifan “prescribed arrangement”;

(vi) dalam takrifan “tax position”, dalam perenggan (a), dengan memasukkan “, or exchange of information,” sejurus selepas “taxation”;

(b) dalam cerai (3), dengan memotong “prescribed” dari baris akhir.

Pindaan bab 86B.

5. Bab 86B dari Akta itu adalah dipinda dengan memotong “a double taxation agreement prescribed under section 86C” dari baris kedua dan ketiga dan menggantikannya dengan “an exchange of information agreement or a double taxation agreement having effect under section 41”.

Pemansuhan bab 86C.

6. Bab 86C dari Akta itu adalah dimansuhkan.

Pindaan bab 86D.

7. Bab 86D dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dalam cerai (1), dengan memotong “a prescribed” dari baris pertama dan menggantikannya dengan “an”;

(b) dalam cerai (3), dengan memotong “prescribed”.

Pindaan bab 86E.

8. Bab 86E dari Akta itu adalah dipinda dalam cerai (4)(a) —

(a) dalam perenggan kecil (ii), dengan memotong “prescribed” dari baris ketiga;

(b) dalam perenggan kecil (iii), dengan memotong “prescribed” dari baris akhir ketiga.

Pindaan Jadual Keempat.

9. Jadual Keempat kepada Akta itu adalah dipinda —

(a) dalam butiran 6, dengan memotong “The” dan menggantikannya dengan “To the extent known, the”;

(b) dalam butiran 7 —

- (i) dengan memotong “and that the” dari baris ketiga dan menggantikannya dengan “that if the requested information was within the jurisdiction of the competent authority then the”;
- (ii) dengan memasukkan “or” sejurus selepas “territory” dalam baris akhir kedua;

(c) dalam butiran 8, dengan memasukkan “(except those that would give rise to disproportionate difficulties)” sejurus selepas “information” dalam baris kedua;

(d) dalam butiran 10, dengan memotong “prescribed”.

Diperbuat pada hari ini 22 haribulan Muharram, Tahun Hijrah 1434 bersamaan dengan 6 haribulan Disember, 2012 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM